

Sorotan Literatur Bersistematik (SLR): Kajian Bahasa Retorik dalam Karya Sastera di Malaysia

Hariri Ali Imran^{1*}, Nasihah Hashim², Maizatul Azura Yahya³

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok
Kedah Darul Aman, Malaysia

*Corresponding author email (institution email): m_hariri_ali@ahsgs.uum.edu.my

ARTICLE HISTORY

Received: 09th September 2025

Revised: 11st December 2025

Accepted: 05th January 2026

Published: 13rd April 2026

KATA KUNCI

Bahasa

Retorik

Karya

Novel

Sastera

Sorotan Literatur Bersistematik

KEYWORDS

Language

Rhetoric

Works

Novels

Literature

Systematic Literature Review

ABSTRAK - Retorik merupakan cabang linguistik yang memperihalkan pelbagai ilmu pengetahuan dan maklumat dengan penggunaan bahasa yang berseni, indah dan berkesan menerusi kaedah berucap atau bertulis. Keindahan bahasa retorik yang mengandungi nilai-nilai estetika yang tinggi dapat dilihat menerusi pelbagai penghasilan karya sastera seperti puisi, novel, hikayat, lagu, filem dan seumpamanya. Pengaplikasian bahasa retorik dalam karya sastera khususnya di Malaysia bukan sekadar dapat menjalinkan kesefahaman antara pengkarya dengan khalayak, malahan mempamerkan corak pemikiran, kreativiti dan ketamadunan sesebuah bangsa. Kajian-kajian lepas mengenai karya sastera di Malaysia telah bermula sejak dahulu lagi khususnya dari aspek bidang retorik. Maka, pengumpulan kajian lepas mengenai karya sastera di negara Malaysia dari sudut retorik perlu diteliti dan ditinjau dengan lebih teratur. Sorotan literatur bersistematik (SLR) ini bakal dipandu oleh protokol PRISMA sebagai sumber rujukan dan pemilihan artikel dikhususkan dalam lingkungan tahun 2015-2024 melalui pangkalan data *MyJurnal*, *MyCite* dan *Google Scholar*. Sejumlah 14 artikel telah melepasi tahap penilaian dan layak untuk disintesis. Dapatan SLR ini menunjukkan bahawa kajian retorik dalam karya sastera di Malaysia banyak menumpukan kepada penggunaan teori Teori Retorik Moden (1993) oleh Enos & Brown (1993) dan jenis karya yang banyak dijadikan sebagai sumber data adalah karya novel. Sorotan ini bukan sahaja memaparkan kerelevanan teori dan karya dalam kajian retorik masa kini, malah mencadangkan kepelbagaian teori dan aneka karya sastera lain yang wajar untuk dikaji pada masa hadapan. Huraian terhadap kedua-dua tema tersebut diharap mampu dijadikan sebagai panduan dan rujukan untuk perkembangan kajian retorik khususnya berkaitan dengan karya sastera di Malaysia.

ABSTRACT - Rhetoric is a branch of linguistics that describe various knowledge and information with the use of artistic, beautiful and effective language through spoken or written methods. The beauty of rhetorical language that contains high aesthetic values can be seen through the production of various literary works such as poetry, novels, stories, songs, films and the like. The application of rhetorical language in literary works, especially in Malaysia, is not only able to establish understanding between the artist and the audience, but also showcases the thinking, creativity and civilization of a nation. Previous studies on literary works in Malaysia have started a long time ago, especially from the aspect of rhetoric. Therefore, the collection of previous studies on literary works in Malaysia from a rhetorical point of view needs to be examined and reviewed more regularly. This systematic literature highlight (SLR) will be guided by the PRISMA protocol as a reference source and the selection of articles will be specialized within the years 2015-2024 through *MyJurnal*, *MyCite* and *Google Scholar* databases. A total of 14 articles have passed the evaluation stage and are eligible to be synthesized. The findings of this SLR show that the study of rhetoric in literary works in Malaysia focuses a lot on the use of Modern Rhetorical Theory (1993) by Enos & Brown (1993) and the

type of work that is used as a source of data is the novel. This highlight not only shows the relevance of theories and works in the study of rhetoric today, but also suggests the diversity of theories and various other literary works that should be studied in the future. The description of the two themes is hoped to be able to be used as a guide and reference for the development of rhetoric studies, especially in relation to literary works in Malaysia.

PENDAHULUAN

Karya sastera merujuk kepada hasil buatan atau ciptaan yang mempunyai nilai seni dan estetika yang berkait rapat dengan sumber alam bagi membentuk pemikiran dan ketamadunan sesebuah masyarakat. Karya sastera seperti puisi, novel, filem, lagu dan lain-lain dicipta untuk menyampaikan maklumat, pengajaran, pesan dan dakwah kepada masyarakat (Rosmah Derak, 2023). Matlamat sesebuah karya juga bukan sekadar untuk menyampaikan maklumat atau ilmu pengetahuan kepada masyarakat, malah secara tidak langsung memaparkan kebijaksanaan dan gagasan pemikiran pengarang. Pengarang yang mempunyai gagasan pemikiran dan cita rasa yang tinggi mampu menghasilkan sebuah karya yang bermutu dan bernas. Justeru, penghasilan karya sastera amat penting sebagai lambang kebijaksanaan, hati budi, kreativiti dan ketamadunan masyarakat sesebuah bangsa (Ijlal Saja, Maheram Ahmad dan Suhaila Zailani, 2018).

Penghasilan karya sastera di Tanah Melayu atau Malaysia awalnya muncul ekoran daripada gerakan nasionalisme orang Melayu terhadap pendatang asing pada awal abad ke-20. Matlamat yang terkandung dalam inti pati karya sastera dahulunya seperti *Hikayat Hang Tuah* dan *Sejarah Melayu* bergerak sejajar dengan perjuangan orang Melayu untuk menuntut kemerdekaan. Kini, penghasilan karya sastera bagi masyarakat Melayu moden dianggap sebagai bahan pusaka untuk tujuan nostalgia. Persepsi negatif ini berpunca daripada salah faham dan kekeliruan terhadap makna sebenar yang ditafsir dalam teks-teks karya sastera lama yang mengabaikan kesesuaian makna dengan konteks pemikiran masyarakat Melayu moden. Situasi ini menunjukkan bahawa peri pentingnya usaha untuk mewujudkan kefahaman yang selari antara pengkarya dengan khalayak. Dalam pada itu, bahasa retorik dilihat sebagai salah satu elemen penting yang dapat membantu pengkarya menggunakan bahasa yang berkesan untuk menghasilkan sebuah karya yang menarik kepada khalayak serta dapat membantu khalayak untuk memahami makna sebenar dengan lebih jelas dan mendalam (Muhammad Faris Akram Rustu dan Azean Idruwani Idrus, 2024). Maka sorotan kajian lepas mengenai bahasa retorik dalam karya sastera perlu dilakukan untuk meneliti tahap perkembangan kajiannya dari masa ke masa khususnya di Malaysia.

Kajian retorik dalam karya sastera sudah mula diterokai oleh pengkaji lepas dari dalam dan luar negara. Sorotan awal mendapati bahawa perkembangan kajian bahasa retorik dalam karya sastera di Malaysia dilihat masih kecil berbanding negara luar. Oleh itu, kajian-kajian lepas mengenainya perlu ditinjau dan dibincangkan secara sistematik agar paparan corak kajian lepas dapat dikenal pasti dengan lebih jelas. Kajian SLR ini perlu melalui beberapa prosedur yang telus, teratur dan boleh digunakan pakai bagi mengenal pasti dan mensintesis kajian atau artikel berkaitan secara menyeluruh (Sarah Nur Najwa dan Maslida Yusof, 2022). Selain itu, SLR ini juga mewajibkan setiap kajian atau artikel terpilih melalui satu proses yang telah ditetapkan berpandukan kepada protokol tertentu. Analisis menerusi protokol tersebut akan dibincangkan dalam metodologi kajian mengikut kesesuaian kaedah yang dipilih. Hasil analisis berkenaan akan membantu pengkaji untuk menjawab persoalan kajian yang telah ditetapkan dan pada masa yang sama mengenal pasti jurang atau lompang penyelidikan terkini yang masih boleh diterokai dengan lebih mendalam dan terperinci oleh pengkaji seterusnya.

Sorotan terhadap kajian retorik dalam karya sastera di Malaysia dilihat masih mempunyai kelompangan dari segi penghimpunan kajian lepas yang lebih teratur dan bersistematik. Oleh itu, SLR ini memfokuskan kepada kajian lepas yang membincangkan berkenaan perkara tersebut berlandaskan persoalan kajian yang telah ditetapkan. Sorotan ini pada akhirnya akan membuka ruang kepada pengkaji masa hadapan untuk membincangkan dengan lebih meluas dan mendalam berkenaan kajian retorik kepimpinan di Malaysia. Persoalan yang bakal dibangkitkan dalam sorotan ini adalah seperti berikut:

- Teori apakah yang diaplikasikan dalam kajian retorik dalam karya sastera di Malaysia?
- Apakah jenis karya yang dipilih sebagai sumber data?

Justeru, sorotan ini akan mengenal pasti dan menghuraikan penggunaan kerangka teori dan jenis karya yang dipilih sebagai sumber data dalam kajian lepas berpandukan tatakaedah SLR yang telah ditetapkan. Di samping itu, sorotan ini juga akan turut membantu pengkaji seterusnya untuk mengenal

pasti dan mengembangkan lagi kajian retorik dalam karya sastera di Malaysia berdasarkan kepelbagaian kerangka teori dan sumber data yang lebih sesuai dan relevan.

METODOLOGI

Tatacara pengumpulan kajian-kajian lepas dalam kajian SLR harus dipandu dengan garis panduan tertentu untuk memastikan pemilihan data yang lebih tepat, sesuai dan relevan. Sorotan ini memilih protokol Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses (PRISMA) kerana menurut Hayrol Azril Mohamed Shaffril et al. (2020) *PRISMA* sesuai untuk dijadikan sebagai garis panduan dalam sorotan literatur bersistematik yang melibatkan penilaian dan pencampuran elemen tertentu. Protokol PRISMA dipilih sebagai garis panduan dalam pengumpulan artikel ini bertujuan memastikan hasil maklumat daripada kajian lepas adalah berkualiti dan bersistematik. *PRISMA* dapat mengawal pencarian artikel yang lebih berkualiti melalui empat kriteria seperti pengenalpastian (*identification*), penerimaan dan penolakan artikel (*screening*), kelayakan (*eligibility*) dan penilaian artikel berkualiti (*included*). Kesemua artikel yang ditemui perlu melepasi penilaian kriteria tersebut untuk memastikan persoalan sorotan literatur bersistematik ini terjawab. Sehubungan itu, protokol *PRISMA* dapat memastikan sorotan literatur retorik melalui empat langkah, iaitu 1.1) pengenalpastian (*identification*); 1.2) penerimaan dan penolakan artikel (*screening*); 1.3) kelayakan (*eligibility*) dan penilaian artikel berkualiti (*included*). Kesemua artikel yang terpilih akan dianalisis berpandukan kepada protokol *PRISMA*.

1.1 Pengenalpastian

Proses pengenalpastian artikel kajian lepas yang relevan dengan sorotan ini harus dimanfaatkan dengan kata kunci yang pelbagai. Penggunaan kata kunci yang sinonim, bervariasi dan berkaitan perlu dilakukan dengan teliti untuk menghasilkan pencarian artikel yang relevan (Hayrol Azril Mohamed Shaffril et al., 2020). Berdasarkan pembentukan persoalan kajian, terdapat sembilan kata kunci yang digunakan seperti retorik, *rhetoric*, sastera, karya, *poetry*, puisi, novel, *literature* dan Malaysia seperti yang tertera dalam Jadual 1.

SLR ini hanya memfokuskan kepada tiga pangkalan data yang lebih terarah kepada sumber kajian di Malaysia iaitu *MyJurnal*, *Google Scholar* dan *MyCite*. Pencarian artikel dibuat berpandukan kepada kata kunci yang telah dinyatakan menemui sebanyak (n=204) artikel di pangkalan data *MyJurnal*, (n=145000) artikel di *Google Scholar* dan (n=156) di *MyCite*. Carian ini hanya menggunakan kata kunci dalam bahasa Melayu dan Inggeris seperti yang terpapar dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1. Hasil carian tanpa saringan

Pangkalan data	Kata kunci	Jumlah artikel ditemui
<i>MyJurnal</i>	"Rhetoric" dan "Retorik"	204
<i>MyCite</i>	"Rhetoric" dan "Retorik"	156
<i>Google Scholar</i>	("rhetoric" OR "retorik") AND ("sastera" OR "karya" OR "poetry" OR "puisi" OR "novel" OR "literature") MALAYSIA	145000

1.2 Penerimaan dan Penolakan Artikel

Hasil carian artikel yang melalui kriteria pengenalpastian masih menjumlahkan bilangan artikel yang belum ditapis kualitinya. Maka, proses penerimaan dan penolakan artikel dilakukan bagi mendapatkan jumlah artikel yang paling relevan dan menyingkirkan artikel yang tidak berkaitan. Penerimaan dan penolakan artikel mengikut kriteria yang telah ditetapkan telah dipaparkan secara ringkas dalam Jadual 2 di bawah.

Kriteria seperti tempoh masa penerbitan penting untuk memastikan analisis sorotan ini bergerak selari dengan arus perkembangan kajian terkini. Selain itu, SLR ini hanya memfokuskan kepada jenis penerbitan artikel jurnal sahaja. SLR ini juga hanya membincangkan berkenaan bidang kajian retorik dalam karya orang Melayu di Malaysia, dan menumpukan perhatian terhadap artikel yang boleh diakses sahaja. Target kajian SLR ini juga hanya terhadap artikel berbahasa Melayu dan Inggeris.

Kriteria yang dinyatakan dalam Jadual 2 penting untuk memastikan artikel yang dipilih adalah relevan dari segi perkaitan, kualiti dan kuantitinya dalam SLR ini. Penapisan artikel secara automatik melalui ketiga-tiga pangkalan data tersebut melibatkan jenis penerbitan dan garis masa penerbitan. Tapisan berkenaan menunjukkan jumlah artikel di pangkalan data *MyJurnal* (n=54), *MyCite* (n=40) dan *Google Scholar* (n=16190).

Jadual 2. Kriteria penerimaan dan penolakan artikel

Kriteria	Penolakan	Penerimaan
Garis masa penerbitan	2014 ke bawah	2015 hingga 2024
Jenis penerbitan	Selain artikel jurnal	Artikel jurnal
Negara	Luar Malaysia	Malaysia
Bidang	Selain retorik karya Melayu	Retorik karya Melayu
Bahasa	Selain bahasa Melayu dan Inggeris	Bahasa Melayu dan Inggeris
Akses	Tidak boleh diakses	Boleh diakses

1.3 Kelayakan dan Penilaian Artikel Berkualiti


Proses saringan artikel yang relevan dengan objektif kajian diteruskan menerusi kaedah secara manual bagi memastikan artikel yang diperolehi mencapai tahap kualiti yang paling memuaskan. Saringan secara manual diteruskan dengan membuat semakan dan bacaan terhadap artikel yang melepasi tahap tapisan secara automatik. Artikel yang didapati tidak mempunyai kaitan dengan kajian retorik kepimpinan di Malaysia dan tidak boleh diakses akan terus disingkirkan. Proses saringan artikel di semua pangkalan data tersebut dibuat secara menyeluruh dengan meneliti tajuk, abstrak dan kata kunci bagi setiap artikel terpilih.

Hasil daripada semua proses saringan tersebut, kajian SLR ini mendapati sebanyak (n=16) artikel layak untuk disintesis. Artikel berkenaan akan melalui proses penilaian kualiti daripada tiga orang penyemak yang terdiri daripada ahli kumpulan penyelidik ini sendiri. Menurut Hayrol Azril Mohamed Shaffril et al. (2021), proses semakan artikel paling kurang harus diwakili oleh dua penyemak berdasarkan tema yang telah dipersetujui. Hasil semakan menunjukkan (n=14) artikel layak untuk disintesis secara kualitatif dalam kajian SLR ini.

Jadual 3. Artikel yang layak disintesis

Penulis	Teori Retorik	Jenis Karya
Muhammad Faris Akram Rustu & Azean Idruwani Idrus (2024)	Teori Retorik Moden oleh Enos & Brown (1993)	Lirik lagu Malique: Teman Pengganti
Iqbal Hamdan & Md. Nor Abdullah (2023)	Elemen retorik oleh Despryanti, 2018; Febriyani, 2017; Hasanah, 2019; Meidawati, 2020	Puisi Baru Melayu karya A. Samad Said (Sajak)
Nordiana Hamzah et al.(2023)	<i>ethos, pathos dan logos</i>	Nama Beta Sultan Alaudin karya Faisal Tehrani (Novel)
Siti Zubaidah Raja Mhd Shahnuddin & Ahmad Wafi Yunus (2023)	Teori Retorik Moden oleh Enos & Brown (1993)	Lirik lagu Malique: Pejamkan Mata
Nor Fazzira Mohd Zamri & Zainatul Shuhaida Abdul Rahman (2022)	Teori Retorik Moden oleh Enos & Brown (1993)	Kumpulan Puisi Cerita dalam Cerita oleh Zurinah Hassan
Rohaidah Kamaruddin et al. (2020).	Teori Retorik Moden oleh Enos & Brown (1993)	Hikayat Merong Mahawangsa
Ummi Umairah Kahar Dan Hasuria Che Omar (2020)	Gaya retorik aforisme oleh Angel-Lara (2015)	Karya sastera, The Great Gatsby (Novel)
Ahmad, W. S. W., & Aini, Z. (2019)	Retorik dakwah al-hikmah melalui kaedah lembut	Novel Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck karya HAMKA
Nor Hafidah Ibrahim, Melor Fauzita Md. Yusoff & Rohaya Md. Ali (2018)	Elemen retorik penceritaan, pendedahan, pemujukan, pemerian dan penerangan	Filem Leftenan Adnan arahan Aziz M.Osman
Asrul Azuan Mat Dehan, Nor Azuwan Yaakob & Nik Fazrul Azri Nik Azis (2017)	Gaya retorik oleh Corbett dan Connors (1999)	Novel Salina karya A. Samad Said
Asrul Azuan Mat Dehan & Hajah Nor Azuwan Yaakob (2017)	Gaya retorik oleh Corbett dan Connors (1999)	Novel Salina karya A. Samad Said
Nurulain Abdul Razak & Che brahim Salleh (2016)	Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993)	Novel Orang Kota Bharu karya S. Othman Kelantan
Siti Nor Atikaf Salleh et al. (2016)	Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993)	Novel Hujan Pagi karya A. Samad Said
Asrul Azuan Mat Dehan & Hajah Nor Azuwan Yaakob. (2015)	Teori Retorik Moden oleh Enos & Brown (1993)	Novel Salina karya A. Samad Said

Proses pemilihan artikel yang diterangkan sebelum ini dipaparkan secara ringkas dalam Rajah 1 di bawah untuk gambaran yang lebih jelas. Rajah 1 di bawah diadaptasi menerusi carta aliran PRISMA oleh Moher et al. (2009) berdasarkan maklumat yang diperoleh dalam kajian SLR ini.



Rajah 1. Carta Alir PRISMA

HASIL KAJIAN

Hasil kajian SLR ini mendapati terdapat dua tema utama untuk diuraikan iaitu jenis teori yang digunakan dan jenis karya sastera yang dipilih sebagai data kajian lepas. Kedua-dua tema tersebut akan diuraikan berdasarkan maklumat yang diperolehi dalam kesemua artikel lepas yang terpilih bagi menjawab persoalan kajian yang telah ditetapkan. Dari segi penggunaan teori, kajian SLR ini bukan sekadar memaparkan teori-teori yang telah dimanfaatkan dalam kajian sebelumnya, malah mencadangkan teori-teori lain yang sesuai untuk diaplikasikan dalam kajian seterusnya. Dominasi dan kepelbagaian penggunaan teori tertentu dalam kajian sebelum ini mampu memberi gambaran jelas kepada pengkaji seterusnya untuk membuat pertimbangan dari segi pemilihan teori yang paling tepat dan relevan untuk kajian akan datang. Dari segi jenis karya pula, Kajian SLR ini telah mengenal pasti jenis karya yang menjadi sasaran utama kajian lepas dan juga mencadangkan jenis karya lain yang juga mungkin sesuai dan relevan untuk kajian seterusnya. Huraian terhadap kedua-dua tema terpilih diharap mampu dijadikan sebagai panduan dan rujukan untuk perkembangan kajian retorik khususnya berkaitan dengan karya sastera di Malaysia.

Kepelbagaian Kerangka Teori Retorik

Kajian SLR ini mendapati bahawa pengkaji lepas telah mengaplikasikan pelbagai teori retorik bagi membincangkan mengenai kajian retorik dalam karya sastera di Malaysia. Menurut Othman Lebar (2021), teori memainkan peranan penting dalam sesebuah kajian atau penyelidikan untuk dijadikan sebagai sandaran bagi menjelaskan secara terperinci mengenai fenomena yang dikaji. Berdasarkan semua kajian lepas yang terpilih, terdapat 10 kerangka teori yang telah dimanfaatkan oleh pengkaji terdahulu, iaitu Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993), Elemen retorik oleh Despryanti (2018), Febriyani (2017), Hasanah (2019), Meidawati (2020); ethos, pathos dan logos oleh Aristotle

(1984), gaya retorik aforisme oleh Angel-Lara (2015), retorik dakwah al-hikmah melalui kaedah lembut, elemen retorik penceritaan, pendedahan, pemujukan, pemerian dan penerangan dan gaya retorik oleh Corbett dan Connors (1999).

Hasil kajian menunjukkan kerangka Teori Retorik Moden (1993) adalah yang paling banyak digunakan oleh pengkaji lepas seperti kajian Muhammad Faris Akram Rustu dan Azean Idruwani Idrus (2024), Siti Zubaidah Raja Mhd Shahnuddin dan Ahmad Wafi Yunus (2023), Nor Fazzira Mohd Zamri dan Zainatul Shuhaida Abdul Rahman (2022), Rohaidah Kamaruddin et al. (2020), Nurulain Abdul Razak dan Che brahim Salleh (2016), Siti Nor Atikaf Salleh et al. (2016) dan Asrul Azuan Mat Dehan dan Hajah Nor Azuwan Yaakob (2015). Teori Retorik Moden yang diasaskan oleh Enos dan Brown (1993) ini terbentuk menerusi penambahbaikan teori retorik klasik. Teori Retorik Moden dapat dikategorikan kepada lima teknik iaitu penghujahan (argument), pendedahan (exposition), penerangan (description), pemujukan (persuasion), dan penceritaan (narration) (Cleanth dan Robert, 1979). Di samping itu, kajian Nor Hafidah Ibrahim et al. (2018) juga telah menerapkan elemen retorik yang terdapat dalam Teori Retorik Moden (1993) seperti elemen retorik penceritaan, pendedahan, pemujukan, pemerian dan penerangan. Kesemua kajian tersebut menghuraikan keberkesanan penggunaan teori retorik moden dalam komunikasi antara pengkarya dengan khalayak sasaran yang terdiri daripada penonton atau pembaca. Kajian lepas menunjukkan bahawa pengkarya yang mahir menggunakan retorik akan lebih mampu mempengaruhi kefahaman, emosi dan tindakan khalayak.

Terdapat dua kajian yang menggunakan Gaya retorik oleh Corbett dan Connors (1999), iaitu kajian Asrul Azuan Mat Dehan et al. (2017) dan Asrul Azuan Mat Dehan dan Hajah Nor Azuwan Yaakob (2017). Kajian Asrul Azuan Mat Dehan et al. (2017) hanya menumpukan kepada retorik gaya skema manakala kajiannya yang kedua iaitu Asrul Azuan Mat Dehan dan Hajah Nor Azuwan Yaakob (2017) hanya menumpukan kepada retorik gaya trope. Menurut Corbett dan Connors (1999) retorik gaya trope merujuk kepada penyenaarian gaya yang mengalami perubahan makna yang terhasil dengan maknanya disampaikan secara tersirat. Retorik gaya trope terdiri daripada metafora, hiperbola, simile, ironi, oksimoron, personifikasi, perifrasis, soalan retorik, onomatopeia, litotes, paradoks, pun, metonimi, sinekdoks dan antimeria. Manakala retorik gaya skema pula merujuk kepada penyenaarian kumpulan gaya yang mengalami perubahan susunan, iaitu ejaan atau perkataan dengan cara menambah atau mengurangkan huruf atau suku kata. Retorik gaya skema dikategorikan kepada empat bahagian iaitu gaya keseimbangan (paralelisme, isokolon dan antitesis), gaya pengulangan (aliterasi, asonansi, anafora, epistrop, anadiplosis, epanalepsis, klimaks, kiasmus, poliptoton dan antimetabola), gaya pengguguran (elipsis, asindeton, dan polisindeton), gaya hiperbaton (anastrop, parentesis dan aposisi). Dalam kedua-dua kajian tersebut, Asrul Azuan Mat Dehan dan rakan-rakan menyimpulkan tentang kepentingan pemahaman retorik dalam kalangan pengucap atau penulis untuk menghasilkan sebuah pengucapan dan penulisan yang berkesan.

Selain itu, kajian-kajian lepas yang lain masing-masing menerapkan penggunaan teori yang berbeza seperti kajian Iqbal Hamdan dan Md. Nor Abdullah (2023) menggunakan elemen retorik oleh Despryanti (2018), Febriyani (2017), Hasanah (2019), Meidawati (2020); Nordiana Hamzah et al. (2023) memilih *ethos*, *pathos* dan *logos*; Ummi Umairah Kahar dan Hasuria Che Omar (2020) menggunakan gaya retorik aforisme oleh Angel-Lara (2015) dan Ahmad, W. S. W., & Aini, Z. (2019) menggunakan retorik dakwah al-hikmah melalui kaedah lembut. Menerusi kajian Iqbal Hamdan dan Md. Nor Abdullah (2023), elemen retorik oleh Despryanti (2018), Febriyani (2017), Hasanah (2019) dan Meidawati (2020) diteliti dalam novel A. Samad Said, Keris Mas dan Muhammad Haji Salleh. Kajian tersebut mendapati elemen retorik metafora adalah paling dominan digunakan oleh pengkarya tersebut. Teori retorik *ethos*, *pathos* dan *logos* diaplikasikan dalam kajian Nordiana Hamzah et al. (2023) untuk meneliti komunikasi kepimpinan Sultan Alaudin. Kajian menunjukkan kepentingan kredibiliti, perwatakan dan ilmu pengetahuan bagi pemimpin untuk mempengaruhi orang lain. Gaya retorik aforisme oleh Angel-Lara (2015) diterapkan dalam kajian Ummi Umairah Kahar dan Hasuria Che Omar (2020) bagi meneliti jenis aforisme yang hadir dalam karya *The Great Gatsby*. Kajian mendapati terdapat enam jenis aforisme khusus yang ditemui dalam karya asal, iaitu aforisme berbentuk bayangan perwatakan watak, aforisme berbentuk pengakuan, aforisme berbentuk metafora, aforisme berbentuk usikan stereotaip, aforisme berbentuk usikan andaian budaya dan aforisme berbentuk klu jawapan. Kajian Ahmad, W. S. W., & Aini, Z. (2019) menggunakan retorik dakwah al-hikmah melalui kaedah lembut bagi menganalisis novel terkenal karya HAMKA. Kajian mendapati retorik dakwah al-hikmah menerusi kaedah lembut diterapkan dalam novel HAMKA menerusi bentuk dorongan seperti "marilah", "haruslah" dan "lebih baik" adalah sebanyak dan bentuk ganjaran seperti "moga-moga" dan "mudah-mudahan".

Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993) dilihat telah mendominasi kajian retorik dalam karya sastera di Malaysia pada masa kini. Kemudian disusuli pula dengan penggunaan gaya retorik oleh Corbett dan Connors (1999), elemen retorik oleh Despryanti (2018); Febriyani (2017); Hasanah (2019); Meidawati (2020), *ethos*, *pathos* dan *logos*, gaya retorik aforisme oleh Angel-Lara (2015) dan

retorik dakwah al-hikmah melalui kaedah lembut. Walau bagaimanapun, kajian retorik dalam karya sastera di Malaysia tidak hanya terbatas kepada penggunaan teori yang dinyatakan sahaja, ia wajar diteliti dari pelbagai aspek teori retorik yang lain misalnya retorik Al-Quran, prinsip retorik Aristotle (1984), retorik persuasif oleh Hunt (1992), jenis retorik oleh Brook dan Warren (1979), kaedah retorik oleh Asmah Omar (2016), Teori Prinsip Kerjasama Grice (2001), retorik visual oleh Sonja K. Foss (2004), teori retorik oleh Kenneth Burke (1950) dan sebagainya. Pemilihan teori yang tepat dan sesuai adalah penting demi memastikan dapatan kajian relevan dan menepati keperluan pengkaji.

Kepelbagaian Karya Sastera Terpilih

Hasil kajian SLR ini menunjukkan bahawa karya sastera antara sumber data yang agak popular dalam kalangan pengkaji bahasa khususnya dalam bidang retorik. Karya novel mendominasi bilangan karya yang terbanyak dipilih oleh pengkaji lepas berbanding dengan karya lain seperti lagu, filem, puisi, cerita dan hikayat. Karya novel. Data daripada karya novel mendominasi sebanyak 8 daripada 14 jumlah keseluruhan karya. Antara karya novel yang terpilih sebagai data kajian lepas ialah novel Orang Kota Bharu karya S. Othman Kelantan, novel Hujan Pagi dan Salina karya A. Samad Said, Nama Beta Sultan Alaudin karya Faisal Tehrani, *The Great Gatsby* karya F. Scott Fitzgerald dan *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* karya HAMKA. Secara keseluruhannya, kajian retorik dalam karya novel amat berkait rapat dengan nilai estetika dan keindahan bahasa yang digunakan oleh penulis atau pengkarya untuk menghasilkan penulisan yang baik, sempurna dan berkesan.

Karya lagu juga tergolong dalam kategori karya sastera yang mempunyai seni dan nilai bahasanya yang tersendiri. Menurut Hairul Anuar Harun dan Mohd Azam Sulong (2023), karya lagu merupakan salah satu cabang kesusasteraan yang kaya dengan nilai estetika dan keindahan bahasa yang mampu mendewasakan pemikiran dan ketamadunan sesebuah masyarakat. Karya lagu Malique iaitu *Temannya Pengganti* dan *Pejamkan Mata* telah dipilih sebagai sumber data kajian Muhammad Faris Akram Rustu dan Azean Idruwani Idrus (2024) dan Siti Zubaidah, Raja Mhd Shahnuddin dan Ahmad Wafi Yunus (2023). Kajian Muhammad Faris Akram Rustu dan Azean Idruwani Idrus (2024) mendapati bahawa karya lagu yang diadun dengan elemen retorik bukan sekadar dapat membantu penulis menghasilkan sebuah lirik menarik, malah dapat membantu pendengar memahami lagu dengan lebih mendalam. Kajian Siti Zubaidah, Raja Mhd Shahnuddin dan Ahmad Wafi Yunus (2023) pula memaparkan kepentingan retorik dalam karya lagu untuk mempengaruhi emosi dan pemikiran pendengar secara lebih efektif.

Terdapat dua kajian yang memilih karya puisi sebagai sumber data kajian iaitu kajian Iqbal Hamdan dan Md. Nor Abdullah (2023) dan Nor Fazzira Mohd Zamri dan Zainatul Shuhaida Abdul Rahman (2022). Kajian yang dijalankan oleh Iqbal Hamdan dan Md. Nor Abdullah (2023) berfokuskan kepada Puisi Baru Melayu karya A. Samad Said bagi menganalisis penggunaan elemen retorik terdapat dalam karya tersebut manakala kajian Nor Fazzira Mohd Zamri dan Zainatul Shuhaida Abdul Rahman (2022) berfokus kepada *Kumpulan Puisi Cerita dalam Cerita* oleh Zurinah Hassan untuk meneliti penggunaan retorik penceritaan dalam karya tersebut. Seterusnya, didapati hanya kajian Rohaidah Kamaruddin et al. (2020) yang memilih karya berbentuk hikayat sebagai sumber data kajian bagi menganalisis teknik retorik penceritaan dan kekerapan penggunaannya dalam bab IV *Hikayat Merong Mahawangsa*. Secara keseluruhannya, penerapan retorik dalam karya puisi dan hikayat mampu menyerlahkan lagi kualiti penulisan karya yang lebih baik dan menarik.

Kesimpulannya, dominasi karya novel sebagai sumber data dalam kajian lepas iaitu sebanyak lapan daripada 14 artikel terpilih telah membuktikan kerelevanan sumber data berkenaan dalam bidang kajian bahasa retorik. Walau bagaimanapun, dominasi berkenaan tidak semestinya menjadikan sumber data daripada karya novel adalah pilihan yang terbaik untuk kajian masa kini dan seterusnya. Ia masih bergantung kepada kesesuaian dan keperluan kajian untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan. Justeru, sorotan ini diharap dapat membuka jalan mudah kepada pengkaji seterusnya untuk memilih sumber data yang lebih tepat, sesuai dan relevan dengan kajian yang bakal dipersembahkan khususnya mengenai bidang bahasa retorik dalam karya sastera di Malaysia.

PERBINCANGAN

Kajian retorik dalam karya sastera tentunya tidak hanya terbatas kepada pengkajian di Malaysia sahaja. Tidak dinafikan bahawa kajian retorik dalam karya sastera telah berkembang pesat dan banyak dibincangkan oleh pengkaji luar negara misalnya kajian oleh Mashuri Mashuri dan Moh Thoyyib Madani (2018), Alkhalaf (2021), Iqbal et al. (2021), Iryna Alyeksyeyeva, Olena Kaptiurova dan Vira Orlova (2021), Zulfadzlee Zulkiflee (2022), Jaradat (2022), Aisyah (2022), Ridhatul Fadhi (2024) dan lain-lain. Sungguh pun demikian, sorotan ini hanya tertumpu kepada kajian retorik dalam karya sastera di

Malaysia sahaja. Masih banyak lompong yang boleh diisi oleh pengkaji seterusnya tidak kira dalam bentuk kajian literatur, empirikal atau seumpamanya. Justeru, kajian SLR ini diharap dapat membuka peluang kepada pengkaji akan datang untuk membincangkan perkara ini dengan meluas dan rinci mengenai retorik dalam pelbagai karya merentasi kajian dalam dan luar negara.

Berdasarkan sudut perbincangan yang telah diutarakan dalam sorotan ini, perkembangan kajian retorik dalam karya sastera di Malaysia dapat dilihat secara keseluruhan. Walau bagaimanapun, kajian retorik dalam karya sastera di Malaysia terkini masih kurang dibincangkan dan memerlukan lebih banyak penambahan daripada pengkaji seterusnya. Hal ini dapat dibuktikan melalui jumlah kajian retorik dalam karya sastera yang dijumpai dalam sorotan ini. Akan tetapi, kesemua kajian tersebut paling tidak sudah dapat memberi nilai tambah terhadap pengkajian sedia ada. Dari segi penggunaan kerangka teori, terdapat 10 kerangka teori yang telah dimanfaatkan oleh pengkaji lepas iaitu Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993), elemen retorik oleh Despryanti (2018), Febriyani (2017), Hasanah (2019), Meidawati (2020), *ethos, pathos dan logos* oleh Aristotle (1984), gaya retorik aforisme oleh Angel-Lara (2015), retorik dakwah al-hikmah melalui kaedah lembut, elemen retorik penceritaan, pendedahan, pemujukan, pemerian dan penerangan dan gaya retorik oleh Corbett dan Connors (1999). Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993) telah mendominasi pemilihan kerangka teori dalam kajian lepas. Kerangka teori tersebut telah diterapkan dalam kajian Muhammad Faris Akram Rustu dan Azean Idruwani Idrus (2024), Siti Zubaidah Raja Mhd Shahnuddin dan Ahmad Wafi Yunus (2023), Nor Fazzira Mohd Zamri dan Zainatul Shuhaida Abdul Rahman (2022), Rohaidah Kamaruddin et al. (2020), Nurulain Abdul Razak dan Che brahim Salleh (2016), Siti Nor Atikaf Salleh et al. (2016) dan Asrul Azuan Mat Dehan dan Hajah Nor Azuwan Yaakob (2015). Sorotan terhadap pemilihan kerangka teori dalam kajian lepas dapat membantu pengkaji masa hadapan membuat pemilihan teori yang lebih tepat dan relevan. Walau bagaimanapun, pemilihan kerangka teori haruslah berdasarkan kepada kesesuaian teori dengan aspek yang dikaji dan objektif yang hendak dicapai.

Kajian retorik dalam karya sastera di Malaysia diharap sentiasa berkembang dan tidak terbatas terhadap karya tertentu sahaja. Berdasarkan hasil SLR ini, karya sastera seperti novel, lagu, puisi, filem dan hikayat telah dipilih oleh pengkaji lepas sebagai sumber data kajian. Karya novel mendominasi penggunaan sumber data yang paling banyak dalam kajian lepas. Karya novel dijadikan sumber data dalam kajian Nordiana Hamzah et al. (2023), Ummi Umairah Kahar Dan Hasuria Che Omar (2020), Ahmad, W. S. W. dan Aini, Z. (2019), Asrul Azuan Mat Dehan, Nor Azuwan Yaakob dan Nik Fazrul Azri Nik Azis (2017), Asrul Azuan Mat Dehan dan Hajah Nor Azuwan Yaakob (2017), Nurulain Abdul Razak dan Che brahim Salleh (2016), Siti Nor Atikaf Salleh et al. (2016) dan Asrul Azuan Mat Dehan dan Hajah Nor Azuwan Yaakob (2015). Sorotan terhadap pemilihan sumber data dalam kajian lepas dapat membantu pengkaji seterusnya untuk memilih sumber data yang lebih tepat dan relevan. Walau bagaimanapun, sumber data tidak terhad kepada karya-karya yang telah diperkatakan, masih banyak sumber data dalam karya-karya di Malaysia yang telah diteroka dari sudut pandang bahasa, namun secara spesifiknya masih belum diteliti menurut perspektif retorik contohnya terhadap karya Sejarah Melayu dan *Hikayat Hang Tuah* (Monique Zaini-Lajoubert, 2010), novel karya Faisal Tehrani yang bertajuk *Bila Tuhan Berbicara* (2007), *Tunggu Teduh Dulu* (2008) dan *Bahlut* (2010) (Rosmah Derak, 2023), novel *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin (Nur Alisa Ramli dan Mohamad Rozi Kasim, 2023) dan lain-lain. Secara ringkasnya, masih banyak hasil karya di Malaysia yang masih belum diteroka dari sudut pandang retorik dan diharap perbincangan ini memberi idea dan rujukan yang berguna kepada pengkaji masa hadapan.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, SLR ini meneroka kajian-kajian lepas terpilih yang berkisarkan retorik dalam karya sastera di Malaysia. Pengumpulan artikel jurnal yang dilakukan secara sistematik berdasarkan protokol PRISMA telah meneliti secara signifikan terhadap penggunaan kerangka teori dan jenis karya yang dipilih sebagai sumber data kajian. Pelbagai kerangka teori retorik yang ditemui dalam penerokaan ini seperti Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993), elemen retorik oleh Despryanti (2018), Febriyani (2017), Hasanah (2019), Meidawati (2020), *ethos, pathos dan logos* oleh Aristotle (1984), gaya retorik aforisme oleh Angel-Lara (2015), retorik dakwah al-hikmah melalui kaedah lembut, elemen retorik penceritaan, pendedahan, pemujukan, pemerian dan penerangan dan gaya retorik oleh Corbett dan Connors (1999). Selain itu, jenis karya yang dipilih sebagai sumber data kajian adalah *Nama Beta Sultan Alaudin* karya Faisal Tehrani, *The Great Gatsby* karya F. Scott, *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* karya HAMKA, *Salina dan Hujan Pagi* karya A. Samad Said dan *Orang Kota Bharu* karya S. Othman Kelantan. Kemudian, disusuli pula dengan karya-karya lain seperti lagu *Teman Pengganti dan Pejamkan Mata* karya Malique, *Puisi Baru Melayu* karya A. Samad Said, *Kumpulan Puisi Cerita dalam*

Cerita karya Zurinah Hassan, *Hikayat Merong Mahawangsa* dan *filem Leftenan Adnan* arahan Aziz M.Osman.

Pengaplikasian kerangka teori retorik dalam kajian lepas didapati telah didominasi oleh kerangka Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993) dan seterusnya diikuti oleh gaya retorik oleh Corbett dan Connors (1999), elemen retorik oleh Despryanti (2018), Febriyani (2017), Hasanah (2019), Meidawati (2020), *ethos, pathos dan logos* oleh Aristotle (1984), gaya retorik aforisme oleh Angel-Lara (2015), retorik dakwah al-hikmah melalui kaedah lembut, elemen retorik penceritaan, pendedahan, pemujukan, pemerian dan penerangan. Dari segi jenis karya pula, novel mendominasi sebagai sumber data kajian dan diikuti dengan lagu, puisi, filem dan hikayat. Hasil huraian dan perbincangan terhadap kajian lepas ini diharap dapat dijadikan sebagai panduan dan rujukan kepada pengkaji seterusnya dan membuka ruang yang lebih luas untuk penerokaan kajian bahasa retorik dalam pelbagai karya sastera di Malaysia dan luar negara.

ACKNOWLEDGEMENT

This study was not supported by any grants from funding bodies in the public, private, or not-for-profit sectors.

CONFLICT OF INTEREST

The authors declare no conflicts of interest.

AUTHORS CONTRIBUTION

Author 1: Conceptualization, Methodology, Software, Data curation, Writing- Original draft preparation, Visualization, Investigation.

Author 2 & 3 : Supervision, Validation, Writing- Reviewing and Editing.

AVAILABILITY OF DATA AND MATERIALS

Data available within the article or its supplementary materials.

DECLARATION OF GENERATIVE AI

The authors declare that no generative AI was used in the writing of the manuscript.

ETHIC STATEMENTS

Not applicable.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

A. Samad Said. (1979). *Dari Salina ke Langit Petang*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ali Ahmad. (1961). *Puisi Baru Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Aristotle. (1984). *The rhetoric and the poetics of Aristotle*. W. Rhys Roberts (Penterj.). Modern Library.

Asmah Haji Omar. (2016). *Bahasa Iklan Perniagaan Satu Kajian Bahasa Retorik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asrul Azuan Mat Dehan & Nor Azuwan Yaakob. (2015). Teknik retorik dalam novel Salina karya A. Samad Said. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 2, 49-59.

Asrul Azuan Mat Dehan & Nor Azuwan Yaakob. (2017). Keanekaragaman retorik gaya Trope dalam penulisan novel Salina. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 6, 1-12.

Asrul Azuan Mat Dehan, Nor Azuwan Yaakob & Nik Fazrul Azri Nik Azis. (2017). Penerapan retorik gaya skema dalam pengkaryaan novel Salina. *Journal of Business and Social Development*,

- 5(1), 60-78. <https://ppsms.umt.edu.my/wp-content/uploads/sites/53/2017/04/7-PENERAPAN-RETORIK-w.pdf>
- Brooks, C., & Warren, R. P. (1979). *Rhetoric Modern (4th ed.)*. Harcourt Brace Jovanovinch, Publishers.
- Burke, K. (1950). *A Rhetoric of Motives*. Prentice Hall.
- Corbett, E. P. J., & Connors, R. J. (1999). *A survey of rhetoric: Classical rhetoric for the modern student (4th ed.)*. Oxford University Press.
- Enos, T., & Brown, S. C. (1993). *Defining the new rhetoric*. SAGE Publications.
- Foss, S. K. (2004). *Rhetorical criticism: Exploration and practice*. Waveland Press.
- Grice, H. P. (1975). Logic and conversation. Dlm. P. Cole & A. J. Morgan (Eds.). *Syntax and semantics, Vol. 3 Speech Acts*. Academic Press.
- Hairul Anuar Harun & Mohd Azam Sulong. (2023). Akal budi Melayu dalam karya M. Nasir. *Jurnal Peradaban Melayu*, 18(2), 10–26. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol18.2.2.2023>
- Hayrol Azril Mohamed Shaffril, Samsul Farid Samsuddin & Asnarulkhadi Abu Samah. (2020). The ABC of systematic literature review: The basic methodological guidance for beginners, *Quality & Quantity: International Journal of Methodology*, 55(4), 1319-1346. <https://doi.org/10.1007/s11135-020-01059-6>
- Ijlal Saja, Maheram Ahmad & Suhaila Zailani. (2018). Tinjauan literatur penterjemahan karya sastera Arab dan Melayu. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 1(1), 21-32.
- Iqbal Hamdan & Md. Nor Abdullah. (2023). Elemen retorik karya A. Samad Said dalam buku Puisi Baru Melayu. *International Journal of West Asian Studies*, 15(1), 72-85.
- Mashuri Mashuri & Moh Thoyyib Madani. (2018). Pemanfaatan retorika dalam film kehormatan di balik kerudung karya Tya Subiakto Satrio. *KABILAH : Journal of Social Community*, 3(2), 157-173. <https://doi.org/10.35127/kbl.v3i2.3406>
- Moher, D., Liberati, A., Tetzlaff, J., Altman, D.G. & The PRISMA Group. (2009). Preferred reporting items for systematic reviews and meta-analyses: The PRISMA statement. *Open Medicine.*, 3(2), 123-130. <http://dx.doi.org/10.1016/j.iclinepi.2009.06.005>
- Monique Zaini-Lajoubert. (2010). Karya sastera Melayu moden yang berilhamkan karya sastera Melayu lama. *Jurnal Terjemah Alam & Melayu Moden*, 1(2), 113-143. <https://journalarticle.ukm.my/1998/1/AlamTamadun2010007NEW.pdf>
- Muhammad Faris Akram Rustu & Azean Idruwani Idrus. (2024). Penggunaan retorik dalam lirik lagu Teman Pengganti karya Malique. *Jurnal Kesidang*, 9(1), 64-74.
- Nordiana Hamzah, Noor Alhusna Madzlan, Hasrina Baharum, Muhamad Fadzllah Zaini & Rohaya Md. Ali. (2023). Analisis *ethos*, *pathos* dan *logos* dalam komunikasi kepemimpinan Nama Beta Sultan Alauddin karya Faisal Tehrani. *Jurnal Komunikasi*, 39(1), 473-489.
- Nor Fazzira Mohd Zamri & Zainatul Shuhaida Abdul Rahman. (2022). Retorik penceritaan dalam karya Zurinah Hassan melalui buku Kumpulan Puisi Cerita Dalam Cerita (2014). *ARTE: Art & Expression*, 3(2), 53-57. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/82375/1/82375.pdf>
- Nor Hafidah Ibrahim, Melor Fauzita Md. Yusoff & Rohaya Md. Ali. (2018). Leftenan Adnan: Manifestasi penggunaan retorik dalam filem. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 5, 578-585. https://myjurnal.mohe.gov.my/filebank/published_article/102533/43.pdf
- Nur Alisa Ramli & Mohamad Rozi Kasim. (2023). Pengaplikasian prinsip stilistik J.J. Webber (1989) dalam novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin: Application of stylistic principles J.J. Webber (1989) in novel Pantai Kasih by Azmah Nordin. *PENDETA*, 14(1), 88–113. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.1.8.2023>
- Nurulain Abdul Razak & Che brahim Salleh. (2016). Retorik naratif dalam novel “Orang Kota Bharu”. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 4(2), 13-22. <http://dx.doi.org/10.17576/IMAN-2016-0402-02>
- Rohaidah Kamaruddin, Muhammad Nur Akmal Rosli, Minah Mohammed Salleh, Zuraini Seruji, Sharil Nizam Sha’ri, Veeramohan Veeraputhran & Manimangai Mani. (2020). Retorik penceritaan dalam Hikayat Merong Mahawangsa. *PalArch's Journal of Archaeology of Egypt/Egyptology*, 17(9), 3153-3180. <https://archives.palarch.nl/index.php/jae/article/view/4335>
- Rosmah Derak. (2023). Manifestasi alam sekitar dalam tiga karya Faisal Tehrani: Perspektif ekologi sastera: environmental manifestations in Faisal Tehrani’s three novels: An ecological literary perspective. *PENDETA*, 14(1), 13–24. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.1.2.2023>
- S. Othman Kelantan. (2006). *Orang Kota Bharu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sarah Nur Najwa Mohd Nasir & Maslida Yusof. (2022). Sorotan literatur bersistematik kajian bahasa komunikasi di internet dari sudut pragmatik. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 22(2), 185-204. <http://doi.org/10.17576/gema-2022-2202-10>.

- Siti Hawa Salleh. (1998). *Hikayat Merong Mahawangsa*. Yayasan Karyawan & Penerbit Universiti Malaya.
- Siti Nor Atikaf Salleh, Nurfarhana Shahira Rosly, Nabillah Bolhassan & Asrul Azuan Mat Dehan. (2016). Keanekaragaman ciri laras bahasa kreatif (sastera) dalam penulisan novel Hujan Pagi. *Jurnal Ilmi*, 1(1), 11-28.
- Siti Zubaidah Raja Mhd Shahnuddin & Ahmad Wafi Yunus. (2023). Penulisan lirik lagu Malique: Satu analisis retorik moden. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik (e-JBL)*, 5(1), 15-25. <https://doi.org/10.53840/ejbl.v5i1.135>
- Ummi Umairah Kahar & Hasuria Che Omar. (2020). Terjemahan aforisme dalam karya Tuan *Gatsby*. *Jurnal Bahasa*, 20(2), 267-286. [https://doi.org/10.37052/jb20\(2\)no4](https://doi.org/10.37052/jb20(2)no4)
- Wan Ahmad, W. S., & Aini, Z. (2018). Retorik dakwah Al-Hikmah menerusi kaedah lembut dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* karya HAMKA. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 13(1), 1–13. <https://al-qanatir.com/aq/article/view/180>
- Zurinah Hassan. (2014). *Kumpulan puisi cerita dalam puisi*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.